



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

## ANALISIS CORAK PERBELANJAAN PENERIMA BANTUAN AWAL PERSEKOLAHAN DALAM KALANGAN IBU BAPA

ZULKAINAIN BIN AHMAD



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK  
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (EKONOMI)  
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)

FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI  
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2017



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



## ABSTRAK

Kajian ini bertujuan menganalisis corak perbelanjaan bantuan awal persekolahan mengikut latar belakang demografi dan sosio ekonomi penerima bantuan terhadap perbelanjaan persekolahan anak-anak dalam kalangan ibu bapa. Kajian juga dijalankan untuk mengetahui persepsi penerima bantuan terhadap bantuan awal persekolahan yang telah diberikan oleh kerajaan Malaysia. Reka bentuk penyelidikan kuantitatif berbentuk deskriptif dan inferensi dipilih untuk menjawab tiga persoalan kajian dan lima hipotesis. Seramai 367 orang di sekitar kawasan parlimen Bukit Gantang, Perak dipilih menjadi responden menggunakan teknik persampelan rawak berlapis. Satu set borang soal selidik telah digunakan dalam kajian ini. Beberapa ujian statistik digunakan bertujuan menguji hipotesis kajian, antaranya analisis ujian-*t* dan ANOVA. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara faktor jantina dan etnik responden dengan corak perbelanjaan bantuan awal persekolahan. Namun, kajian menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan di antara bilangan tanggungan, taraf pendidikan dan jumlah pendapatan responden dengan corak perbelanjaan bantuan awal persekolahan. Kesimpulan daripada kajian menunjukkan bahawa perbezaan latar belakang sosio ekonomi ibu bapa membentuk satu corak perbelanjaan bantuan awal persekolahan yang berbeza. Implikasi kajian menunjukkan bahawa pemberian wang bantuan awal persekolahan dapat membantu meringankan beban perbelanjaan persekolahan dan dibelanjakan ke arah aspek pendidikan anak-anak melebihi aspek bukan pendidikan oleh ibu bapa.





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi  
v

## ANALYSIS OF EXPENDITURE PATTERNS AMONG SCHOOL FINANCIAL AID RECIPIENT PARENTS

### ABSTRACT

This study aims to analyze spending patterns of early schooling aid according to demographic and socio-economic background of the beneficiaries towards education expenses of children among parents. The study also conducted to determine the perception of the beneficiaries of early schooling aid which was granted by the Malaysian government. Quantitative research design with descriptive and inferential were selected to answer three research questions and five hypotheses. A total of 367 people around the constituency of Bukit Gantang, Perak selected respondents using stratified random sampling technique. A set of questionnaire was used in this study. Several statistical tests were used to test hypotheses, including analysis of *t*-test and ANOVA. The findings showed that there were no significant difference between gender and ethnicity of respondents with early schooling aid spending patterns. However, research showed that there were significant differences between the number of dependents, level of education and the number of respondents with income early schooling aid spending patterns. As a conclusion, the difference of socio-economic status of parents formed different spending patterns of an early schooling aid. The study implicates that awarding assistance through early schooling aid can help reduce schooling expenses and expensed over the aspect of children's education than non-educational aspects by parents.



05-4506832

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



## KANDUNGAN

### **Muka Surat**

<b>PERAKUAN</b>	ii
<b>PENGHARGAAN</b>	iii
<b>ABSTRAK</b>	iv
<b>ABSTRACT</b>	v
<b>KANDUNGAN</b>	vi
<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	x
<b>SENARAI JADUAL</b>	xi
<b>SENARAI RAJAH</b>	xiii
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xiv



### **BAB 1 PENDAHULUAN**

1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	4
1.3 Penyataan Masalah	8
1.4 Tujuan Kajian	10
1.5 Objektif Kajian	10
1.6 Soalan Kajian	11
1.7 Hipotesis Kajian	11
1.8 Signifikan Kajian	12
1.9 Skop Kajian	13
1.10 Batasan Kajian	14





1.11	Definisi Operasi	15
1.11.1	Bantuan Persekolah	15
1.11.2	Corak Perbelanjaan	16
1.11.3	Isi Rumah	16
1.11.4	Perbelanjaan Pendidikan	17
1.11.5	Perbelanjaan Bukan Pendidikan	17
1.12	Organisasi Kajian	18
1.13	Rumusan	19

## BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	20
2.2	Latar Belakang Teori	21
2.2.1	Teori Gelagat Pengguna	22
2.3	Sorotan Kajian Lalu	30
2.4	Jurang Kajian	39
2.5	Kerangka Konseptual	40
2.6	Rumusan	41



## BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	43
3.2	Reka Bentuk Kajian	44
3.3	Populasi dan Sampel Kajian	45
3.4	Instrumen Soal Selidik	47
3.5	Kajian Rintis	50
3.6	Kebolehpercayaan Instrumen	51





3.7	Kesahan Instrumen	52
3.8	Prosedur Pengumpulan Data	53
3.9	Analisis Data	57
3.10	Ujian Diagnostik	62
3.10.1	Ujian Normaliti	62
3.11	Rumusan	63

## BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	65
4.2	Analisis Deskriptif Demografi Responden	66
4.3	Ujian Normaliti	71
4.3.1	Ujian Skewness dan Ujian Kurtosis	72
4.3.2	Ujian Kolmogorov-Smirnov dan Ujian Shapiro-Wilk	72
4.4	Analisis Corak Perbelanjaan Bantuan Awal Persekolahan dari Aspek Pendidikan dan Bukan Pendidikan	75
4.5	Ujian-t dan Analisis Varian (ANOVA)	82
4.5.1	Analisis ujian-t	83
4.5.1.1	Analisis Skor Min Corak Perbelanjaan Perbelanjaan Bantuan Awal Persekolahan mengikut Jantina Responden	83
4.5.2	Analisis ujian ANOVA	87
4.5.2.1	Analisis Skor Min Corak Perbelanjaan Bantuan Awal Persekolahan mengikut Faktor Etnik Responden	88
4.5.2.2	Analisis Skor Min Corak Perbelanjaan Bantuan Awal Persekolahan mengikut Faktor Bilangan Tanggungan Responden	89





4.5.2.3 Analisis Skor Min Corak Perbelanjaan Bantuan Awal Persekolahan mengikut Faktor Taraf Pendidikan Responden	92
4.5.2.4 Analisis Skor Min Corak Perbelanjaan Bantuan Awal Persekolahan mengikut Faktor Jumlah Pendapatan Responden	96
4.5.3 Analisis Persepsi Responden terhadap Bantuan Awal Persekolahan	99
4.5.4 Keputusan Pengujian Hipotesis	104
4.6 Rumusan	106
<b>BAB 5 PERBINCANGAN, CADANGAN DAN KESIMPULAN</b>	
5.1 Pengenalan	107
5.2 Rumusan Dapatan Kajian	108
5.3 Perbincangan Dapatan Kajian	111
5.3.1 Corak Perbelanjaan Bantuan Awal Persekolahan dari Aspek Pendidikan dan Bukan Pendidikan	111
5.3.2 Corak Perbelanjaan Bantuan Awal Persekolahan mengikut Faktor Latar Belakang Demografi dan Sosio Ekonomi	113
5.3.3 Persepsi Penerima Bantuan terhadap Bantuan Awal Persekolahan	117
5.4 Implikasi Kajian	120
5.5 Cadangan Kajian Lanjutan	122
5.6 Kesimpulan	123
<b>RUJUKAN</b>	124





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi  
X

## SENARAI LAMPIRAN

- A** Borang soal selidik
- B** Surat lantikan sebagai pemeriksa borang soal selidik (gaya bahasa)
- C** Surat lantikan sebagai pemeriksa borang soal selidik (isi kandungan)
- D** Kebolehpercayaan
- E** Surat kebenaran menjalankan kajian (EPRD)
- F** Surat kebenaran menjalankan kajian (JPN Perak)
- G** Surat kebenaran menjalankan kajian (PPDLMs)



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



## SENARAI JADUAL

No. Jadual	Muka surat
1.1 Taburan Jumlah Peruntukan Bantuan Awal Persekolahan Mengikut Tahun	7
3.1 Taburan Jumlah Pelajar Mengikut Sekolah	46
3.2 Taburan Item Mengikut Bahagian	49
3.3 Taburan Item Bahagian B Mengikut Faktor atau Tema	50
3.4 Jadual Nilai Pekali <i>Cronbach Alpha</i>	52
3.5 Pecahan Min Mengikut Skala (Corak Perbelanjaan dari Aspek Pendidikan & Bukan Pendidikan)	58
3.6 Kategori Frekuensi Mengikut Kumpulan (Persepsi Penerima Bantuan Terhadap Bantuan Awal Persekolahan)	59
3.7 Jadual Kaedah Pengujian Hipotesis	61
4.1 Latar belakang Demografi Responden (%)	67
4.2 Keputusan Ujian <i>Skewness</i> dan <i>Kurtosis</i>	72
4.3 Ujian <i>Kolmogorov-Smirnov</i> dan <i>Shapiro-Wilk</i>	73
4.4 Nilai Keseluruhan Min Corak Perbelanjaan Bantuan Awal Persekolahan Mengikut Item (Aspek Pendidikan & Aspek Bukan Pendidikan)	75
4.5 Nilai Min Corak Perbelanjaan Bantuan Awal Persekolahan dari Aspek Pendidikan Mengikut Item	78
4.6 Pecahan Min Mengikut Skala (Corak Perbelanjaan dari Aspek Pendidikan)	79
4.7 Nilai Min Corak Perbelanjaan Bantuan Awal Persekolahan dari Aspek Bukan Pendidikan Mengikut Item	81
4.8 Pecahan Min Mengikut Skala (Corak Perbelanjaan dari Aspek Bukan Pendddikan)	82





4.9 Analisis Min Corak Perbelanjaan Bantuan Awal Persekolahan Berdasarkan Faktor Jantina	84
4.10 Analisis Min Corak Perbelanjaan Bantuan Awal Persekolahan Berdasarkan Faktor Jantina	84
4.11 Ujian-t Bagi Setiap Item Corak Perbelanjaan Bantuan Awal Persekolahan Anak-Anak	85
4.12 Analisis Corak Perbelanjaan Bantuan Awal Persekolahan Berdasarkan Faktor Etnik Responden	88
4.13 Analisis Corak Perbelanjaan Bantuan Awal Persekolahan Berdasarkan Faktor Bilangan Tanggungan Responden	90
4.14 Analisis <i>Tukey HSD</i> Corak Perbelanjaan Bantuan Awal Persekolahan Berdasarkan Faktor Bilangan Tanggungan Responden	91
4.15 Analisis Corak Perbelanjaan Bantuan Awal Persekolahan Berdasarkan Faktor Taraf Pendidikan Responden	93
4.16 Analisis <i>Tukey HSD</i> Corak Perbelanjaan Bantuan Awal Persekolahan Berdasarkan Faktor Taraf Pendidikan Responden	94
4.17 Analisis Corak Perbelanjaan Bantuan Awal Persekolahan Berdasarkan Faktor Jumlah Pendapatan Responden	97
4.18 Analisis <i>Tukey HSD</i> Corak Perbelanjaan Bantuan Awal Persekolahan Berdasarkan Faktor Jumlah Pendapatan Responden	98
4.19 Analisis Persepsi Penerima Bantuan Terhadap Bantuan Awal Persekolahan Mengikut Item	100
4.20 Pecahan Min Mengikut Skala (Persepsi Penerima Bantuan Terhadap Bantuan Awal Persekolahan)	101
4.21 Kategori Item mengikut kumpulan (Persepsi Penerima Bantuan Terhadap Bantuan Awal Persekolahan)	102
4.22 Ringkasan Pengujian Hipotesis	105





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi  
xiii

## SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka surat
2.1 Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Gelagat Pengguna	24
2.2 Garis Belanjawan Individu Untuk Dua Jenis Produk	25
2.3 Perubahan Harga Barang A (Barang Pendidikan)	26
2.4 Perubahan Harga Barang B (Barang Bukan Pendidikan)	27
2.5 Model Modal Manusia Swanson & Holton	30
2.6 Model Konseptual Kajian	41
3.1 Carta Aliran Prosedur Pengumpulan Data	56
4.1 <i>Q-Q plot test</i> bagi Corak Perbelanjaan	74
4.2 <i>Q-Q plots test</i> bagi Persepsi	74



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi  
xiv

## SENARAI SINGKATAN

ANOVA	Analisis Varian
BPPDP/EPRD	Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan Kementerian Pendidikan Malaysia
DUN	Dewan Undangan Negeri
JPN	Jabatan Pendidikan Negeri
KDNK	Keluaran Dalam Negara Kasar
KKM	Kementerian Kewangan Malaysia
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
PPD	Pejabat Pendidikan Daerah
PPDLMS	Pejabat Pendidikan Daerah Larut Matang dan Selama
SPSS	<i>Statistical Package for the Social Science</i>



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

## BAB 1

### PENDAHULUAN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

#### 1.1 Pengenalan

Sistem pendidikan negara telah menyaksikan satu lonjakan yang besar sejak tahun 1957. Ketika negara mencapai kemerdekaan, lebih separuh daripada populasi tidak menerima pendidikan formal, hanya 6 peratus kanak-kanak menerima pendidikan peringkat menengah dan 1 peratus sahaja mendapat pendidikan lepas menengah. Namun, lima dekad setengah kemudian, akses kepada pendidikan telah mengalami perubahan yang melangkaui jangkaan di mana kadar enrolmen di peringkat pendidikan rendah dan menengah telah meningkat secara purata kepada 86 peratus keseluruhan dari tahun 1980 hingga 2011. Manakala peningkatan dalam kadar literasi remaja dan literasi dewasa juga berlaku sebanyak 99 peratus dan 90 peratus masing-masing dalam tempoh jangka masa yang sama (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2012).



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



Dalam pada itu, untuk mengekalkan pencapaian yang baik dalam sistem pendidikan negara, Kerajaan Malaysia telah mengekalkan tahap pelaburan yang tinggi dalam pendidikan sejak negara mencapai kemerdekaan. Peruntukan besar yang diberikan kepada Kementerian Pelajaran dalam belanjawan negara menunjukkan komitmen Kerajaan terhadap pendidikan sebagai satu daripada keutamaan negara. Justeru, pada tahun 2012, kerajaan Malaysia melalui Kementerian Pendidikan Malaysia sekali lagi melakukan perubahan dasar terhadap pendidikan negara menerusi Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 dengan tujuan mempersiapkan generasi muda untuk menghadapi keperluan abad ke-21 (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2012). Bagi merealisasikan aspirasi ini, kerajaan Malaysia telah menyediakan peruntukan yang besar kepada aspek pendidikan dan salah satunya menerusi pakej bantuan awal persekolahan yang diberikan kepada isi rumah bagi meringankan beban perbelanjaan persekolahan anak-anak.



Di samping itu, bantuan awal persekolahan merupakan satu inisiatif kerajaan Malaysia bagi memastikan semua pelajar sekolah di seluruh negara tidak ketinggalan dalam mempersiapkan diri ke alam persekolahan yang baru. Pelaburan dalam pendidikan juga sering kali dikaitkan dengan kadar pulangan persendirian dan sosial yang tinggi kepada individu dan masyarakat. Misalnya, pelaburan dalam pendidikan ini bukan sahaja dapat membantu meringankan perbelanjaan persekolahan isi rumah malah secara tidak langsung boleh membantu meningkatkan produktiviti seseorang individu kerana produktiviti individu seringkali dikaitkan dengan pengumpulan dalam modal manusia seperti pendidikan (Becker, 2009). Seterusnya, teori modal manusia juga menyatakan bahawa





pelaburan dalam pendidikan bukan sahaja memberi keuntungan kepada individu tetapi juga memberi keuntungan kepada masyarakat (Psacharopoulos & Patrinos, 2004). Maka, tidak hairanlah jika ibu bapa dan pihak kerajaan sanggup untuk membuat pelaburan yang tinggi dalam pendidikan.

Oleh itu, bagi memudahkan pemahaman tentang ini, terdapat tiga belas bahagian dalam bab ini. Bahagian dua dalam bab ini membincangkan berkenaan latar belakang kajian, manakala bahagian tiga pula membincangkan tentang pernyataan masalah yang menerangkan tentang faktor-faktor yang mendorong kajian ini dilaksanakan hasil daripada masalah yang timbul sepanjang program bantuan pendidikan ini berjalan. Seterusnya, bahagian empat pula membincangkan tujuan kajian ini dilaksanakan serta objektif kajian dalam bahagian lima. Sementara itu, soalan kajian dan hipotesis kajian masing-masing dibincangkan di bahagian

enam dan tujuh. Di samping itu, bahagian lapan pula membincangkan mengenai kepentingan kajian dan di bahagian sembilan pula akan menerangkan berkenaan skop kajian. Seterusnya, bahagian sepuluh dan sebelas tertumpu kepada batasan kajian dan juga definisi operasi bagi kajian ini, manakala di bahagian dua belas membincangkan organisasi kajian dengan menerangkan secara ringkas berkaitan perbincangan yang terdapat di dalam Bab 2, Bab 3, Bab 4 dan Bab 5. Perbincangan dalam Bab 1 ini diakhiri dengan rumusan yang menerangkan ringkasan secara menyeluruh yang telah dibincangkan dalam bab ini.





## 1.2 Latar Belakang Kajian

Keperluan asas merupakan sesuatu yang amat penting bagi setiap individu merangkumi keperluan seperti makanan, tempat tinggal dan juga pakaian (Heylighen, 1992). Dalam pada itu, keperluan terhadap pendidikan juga merupakan salah satu daripada cabang keperluan asas yang penting kerana pendidikan dilihat mampu untuk merubah kehidupan serta dapat meningkatkan produktiviti seseorang individu (Becker, 2009). Tambahan pula, pendidikan juga sering dikaitkan dengan pulangan sosial yang tinggi kepada masyarakat seperti dapat meningkatkan ilmu pengetahuan dan juga latihan kepada individu (Sleezer, Conti & Nolan, 2003). Malah, Islam juga telah meletakkan kepentingan untuk menuntut ilmu sebagai sesuatu yang wajib bagi setiap individu melebihi daripada keperluan manusia yang lain (Firdaus & Jani, 2013).



Selain itu, pendidikan boleh memberi kesan kepada kehidupan dan perkembangan aktiviti ekonomi seseorang individu. Oleh sebab keadaan ekonomi dunia yang sering berubah-ubah, manusia memerlukan ilmu pengetahuan dan kemahiran untuk terus berkembang dan dapat menguruskan kehidupan sehari-hari dengan baik (Wurzenberger, 2013). Sebaliknya, individu yang tidak memperoleh pendidikan dan kemahiran asas pula adalah sukar untuk memahirkan diri dalam kehidupan sehari-hari dan sering kali dikaitkan dengan punca kemiskinan (Michaelowa, 2000).





Di samping itu, perbelanjaan terhadap pendidikan merupakan faktor yang sangat penting bagi menjamin perkembangan ekonomi yang mampan di sebuah negara (Rao, 2014). Menurut Rao (2014) lagi, kekurangan sumber kewangan seperti gaji dan upah boleh merencatkan perancangan ibu bapa dalam menyediakan pendidikan kepada anak-anak di peringkat sekolah rendah dan menengah, dan secara tidak langsung akan membantutkan pertumbuhan ekonomi sebuah negara. Maka, tidak hairanlah perbelanjaan pendidikan merupakan aspek yang sangat dipentingkan oleh kerajaan bukan sahaja bagi menjamin pertumbuhan ekonomi negara malah bagi memperoleh pulangan terhadap sosial. Oleh sebab itu, secara kasarnya perbelanjaan pendidikan oleh kerajaan merupakan 4 peratus daripada keseluruhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara, malah 1/5 daripada keseluruhan bajet diberi kepada sektor pendidikan dan latihan dengan peruntukan sebanyak RM39 bilion setiap tahun (Belanjawan 2016, Kementerian Kewangan Malaysia).



Namun, hakikatnya tidak semua individu mampu menyediakan perbelanjaan pendidikan yang mencukupi untuk anak-anak mereka memandangkan penemuan daripada Penyiasatan Perbelanjaan Isi Rumah (HES) yang dijalankan pada 2014 mendapati purata perbelanjaan bulanan penggunaan isi rumah telah meningkat kepada RM3,496 pada tahun 2014 daripada RM2,190 yang dicatatkan pada tahun 2009. Komposisi perbelanjaan yang terbesar terdiri daripada penyediaan keperluan asas seperti makanan dan minuman telah meningkat sebanyak 18.1 peratus daripada RM444 kepada RM528, perumahan, air, elektrik dan gas sebanyak 22.8 peratus daripada RM495 kepada RM613 dan pengangkutan sebanyak 15.4 peratus daripada RM327 kepada RM375. Manakala bagi perbelanjaan terhadap





pendidikan, sebanyak 1.4 peratus atau purata perbelanjaan bulanan sebanyak RM31 dicatatkan pada tahun 2009 manakala pada tahun 2014 pula sebanyak 1.1 peratus atau purata perbelanjaan bulanan sebanyak RM24. Hal ini menunjukkan penurunan sebanyak 0.3 peratus atau RM7 dalam perbelanjaan pendidikan oleh isi rumah (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2015).

Namun demikian, atas dasar kesaksamaan iaitu hak untuk mendapatkan pendidikan dan keprihatinan pihak kerajaan untuk meringankan beban rakyatnya, kerajaan Malaysia telah melancarkan program bantuan awal persekolahan yang telah diperkenalkan pada tahun 2012. Melalui bantuan awal persekolahan ini, ibu bapa yang mempunyai anak yang bersekolah di sekolah rendah dan menengah akan diberikan insentif berupa bantuan kewangan sebanyak RM100 bagi setiap anak yang bersekolah. Insentif ini bertujuan membantu meringankan beban perbelanjaan persediaan persekolahan isi rumah miskin dan berpendapatan rendah<sup>1</sup>.

Sementara itu, keputusan kerajaan Malaysia melancarkan pakej bantuan awal persekolahan kepada pelajar sekolah sedikit sebanyak telah membantu mengurangkan perbelanjaan pendidikan ibu bapa. Hal ini telah memberi manfaat kepada isi rumah berpendapatan sederhana dan rendah yang mempunyai jumlah pendapatan kurang dari RM3000 dalam membuat persediaan persekolahan anak-

<sup>1</sup> Di Malaysia, penentuan terhadap kelompok miskin adalah ditentukan berdasarkan Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) dan beberapa kaedah lain. Takrifan miskin adalah berdasarkan pendapatan bulanan minimum isi rumah sebanyak RM760 ke bawah di Semenanjung, RM1,050 ke bawah di Sabah dan RM910 ke bawah di Sarawak. Manakala miskin tegar pula ialah RM460 ke bawah di Semenanjung, RM630 ke bawah di Sabah dan RM590 ke bawah di Sarawak. Isi rumah berpendapatan rendah pula ialah RM2300 ke bawah bagi Semenanjung, Sabah dan juga Sarawak (Abd Razid, 2013).





anak mereka (Kementerian Kewangan Malaysia, 2015). Tambahan pula, bantuan awal persekolahan ini melibatkan satu peruntukan yang besar yang terpaksa ditanggung oleh kerajaan setiap tahun. Jumlah peruntukan dan agihan kepada pelajar bagi setiap tahun dapat dilihat seperti dalam jadual di bawah.

### Jadual 1.1

*Taburan Jumlah Peruntukan Bantuan Awal Persekolahan Mengikut Tahun*

Tahun	Jumlah Peruntukan (RM juta)	Jumlah Pelajar (juta)
2012	530	530
2013	540	540
2014	540	540
2015	540	540
2016	350	350
Jumlah	2,500	2,500

Sumber daripada Belanjawan 2012, 2013, 2014, 2015 & 2016 (KKM).

Oleh hal yang demikian, bantuan persekolahan daripada pihak kerajaan merupakan salah satu cara yang boleh membantu meningkatkan sokongan dan galakkan kepada isi rumah yang berpendapatan rendah bagi memperolehi kesaksamaan dalam pendidikan serta dapat meningkatkan mutu pembelajaran pada masa hadapan (Yang, 2011). Seterusnya, dengan adanya bantuan kewangan pendidikan daripada kerajaan, secara tidak langsung akan dapat menyuntik semangat serta meningkatkan prestasi akademik pelajar di sekolah (Yang, 2009).





### 1.3 Penyataan Masalah

Kerajaan Malaysia telah membelanjakan sejumlah wang yang besar bagi menjayakan program transformasi pendidikan dengan menyediakan pakej bantuan awal persekolahan dengan memperuntukkan sebanyak RM2.5 bilion yang telah memberi manfaat kepada sekurang-kurangnya 5 juta isi rumah setiap tahun bagi tempoh 2012 hingga 2016. Namun begitu, sejak bantuan awal persekolahan ini diperkenalkan, terdapat pelbagai isu berkaitan dengannya mula menjadi topik perbualan. Terdapat tanggapan mengatakan bantuan awal persekolahan ini merupakan satu transformasi kreatif oleh kerajaan kepada seluruh rakyat Malaysia khasnya kepada pelajar sekolah di setiap peringkat kerana banyak membantu isi rumah dalam menangani beban perbelanjaan pendidikan<sup>2</sup>. Malah, peningkatan dalam jumlah pendapatan isi rumah dilihat dapat merangsang corak perbelanjaan



mana apabila pendapatan individu bertambah, permintaan barang yang mampu dibeli turut akan bertambah (Pindyck & Rubinfeld, 2015). Tambahan pula, bantuan pendidikan oleh kerajaan bukan sahaja dapat membantu meringankan beban perbelanjaan persekolahan isi rumah malah turut merangsang pertumbuhan ekonomi bagi sesebuah negara (Cullison, 1993; Zhang & Casagrande, 1998; Barro & Salai-Martin, 1999).

<sup>2</sup> Dipetik dari Borneo Post, January 23, 2014, [www.theborneopost.com](http://www.theborneopost.com); Utusan Malaysia, Januari 7, 2015, [www.utusan.com.my](http://www.utusan.com.my); Utusan Sarawak, January 9, 2015, [www.utusansarawakonline.com](http://www.utusansarawakonline.com).





Daripada perspektif yang berbeza, bantuan persekolahan yang diberikan mungkin tidak efisien dan merupakan satu pembaziran kerana kecenderungan isi rumah untuk berbelanja terhadap item bukan pendidikan tetap ada. Secara tidak langsung wang bantuan ini akan meningkatkan kuasa beli isi rumah dan perbelanjaan bagi isi rumah adalah sukar dikawal yang menyebabkan bantuan ini tidak disalurkan dengan tepat kepada pendidikan oleh ibu bapa (Miron, 2010). Oleh itu, bantuan seumpama ini seharusnya lebih bersifat selektif terhadap pengagihannya di mana harus diberikan kepada isi rumah yang benar-benar layak sahaja seperti golongan isi rumah yang berpendapatan rendah (Dur & Teulings, 2003; Miron, 2010).



Dalam pada itu, bantuan persekolahan juga dilihat tidak memberi apa-apa perubahan kepada corak perbelanjaan isi rumah terhadap pendidikan anak-anak di sekolah. Perbelanjaan terhadap pendidikan bagi kanak-kanak yang hidup dalam serba kekurangan adalah sangat rendah walaupun pelbagai bentuk bantuan telah diberikan (Currie, 1995; Gregg & Machin, 1999, 2001). Hal ini menyebabkan kanak-kanak ini sering tercicir daripada memperoleh mutu pendidikan yang baik dan sering memperoleh pencapaian akademik yang rendah di sekolah (Bok & Bown, 1998).

Oleh yang demikian, sejauh mana bantuan awal persekolahan ini membantu mengurangkan perbelanjaan pendidikan dan dibelanjakan kepada aspek pendidikan di Malaysia masih lagi berada di tahap yang kabur. Memandangkan tidak terdapat kajian yang khusus sama ada bantuan awal persekolahan ini digunakan kepada





aspek pendidikan atau bukan pendidikan serta tidak terdapatnya bukti yang konkret yang menyokong atau menolak pandangan ini, kemungkinan kajian ini boleh menyumbang kepada penemuan berkaitan corak perbelanjaan isi rumah terhadap bantuan persekolahan yang diberikan. Oleh itu, adalah perlu untuk menjalankan kajian ini bagi memperoleh jawapan kepada isu ini.

#### **1.4 Tujuan Kajian**

Secara umum, kajian ini merupakan satu usaha untuk menganalisis corak perbelanjaan bantuan awal persekolahan mengikut latar belakang demografi dan juga sosio ekonomi penerima bantuan terhadap perbelanjaan persekolahan anak-anak dan mengetahui persepsi penerima bantuan terhadap bantuan yang telah diberikan oleh kerajaan Malaysia.



#### **1.5 Objektif Kajian**

Secara khusus, terdapat tiga objektif kajian utama:

1. menganalisis corak perbelanjaan bantuan awal persekolahan ke atas pendidikan di kalangan isi rumah yang menerima bantuan.
2. menentukan sejauh mana corak perbelanjaan bantuan awal pendidikan berbeza mengikut latar belakang demografi dan sosio ekonomi isi rumah.
3. meninjau persepsi penerima bantuan terhadap bantuan awal persekolahan yang telah diberikan.





## 1.6 Soalan Kajian

Berdasarkan kepada objektif kajian, berikut adalah persoalan-persoalan kajian:

1. Apakah corak perbelanjaan bantuan awal persekolahan oleh isi rumah dari aspek pendidikan?
2. Adakah corak perbelanjaan daripada bantuan awal persekolahan isi rumah berbeza mengikut latar belakang demografi dan sosio ekonomi responden?
3. Apakah persepsi penerima bantuan terhadap bantuan awal persekolahan yang telah diberikan oleh kerajaan?

## 1.7 Hipotesis Kajian



Hipotesis yang dibentuk adalah merujuk kepada objektif kajian yang kedua iaitu untuk menentukan sejauh mana corak perbelanjaan bantuan awal persekolahan

berbeza mengikut latar belakang demografi dan sosio ekonomi isi rumah.

Berdasarkan kepada tujuan dan persoalan kajian di atas, berikut dinyatakan hipotesis kajian dalam bentuk nol:

Ho1: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara jantina responden dengan corak perbelanjaan bantuan awal persekolahan.

Ho2: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara etnik responden dengan corak perbelanjaan bantuan awal persekolahan.

Ho3: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara bilangan tanggungan responden dengan corak perbelanjaan bantuan awal persekolahan.





Ho4: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara taraf pendidikan responden dengan corak perbelanjaan bantuan awal persekolahan.

Ho5: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara jumlah pendapatan responden dengan corak perbelanjaan bantuan awal persekolahan.

Sementara itu, daripada lima hipotesis yang telah dibentuk tiga daripadanya adalah berkaitan faktor demografi responden iaitu Ho1, Ho2 dan Ho3. Manakala dua hipotesis berikutnya adalah berkaitan status sosio ekonomi responden iaitu Ho4 dan Ho5.

## 1.8 Signifikan Kajian



Kajian ini amat penting kerana ia dapat dijadikan sebagai asas bagi meninjau corak perbelanjaan bantuan awal persekolahan yang diberi oleh pihak kerajaan kepada setiap pelajar di seluruh negara. Selain daripada itu, menerusi kajian ini masalah dan juga isu yang berkaitan dengan bantuan awal persekolahan ini dapat dikenalpasti.

Melalui kajian ini, corak penggunaan dan perbelanjaan dari bantuan awal persekolahan ini dapat dikenal pasti, sama ada wang bantuan ini dibelanjakan kepada pendidikan anak-anak atau pun bukan pendidikan. Melalui kajian ini juga, satu indikator kepada pihak kerajaan sama ada bantuan awal persekolahan ini patut diteruskan atau pun tidak di masa akan datang dapat dikenal pasti. Sekiranya berdasarkan hasil kajian mendapati wang bantuan awal persekolahan ini digunakan

